

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan dan dasar baharu Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perancangan dan dasar baharu Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran padi negara adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi menghasilkan varieti baru yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit. Antara yang telah berjaya dilakukan adalah pengenalan varieti benih baru seperti MARDI Siraj 297, MR303, MR 307, UKM RC-2 dan UKM RC-8.
- ii) penggunaan benih padi sah yang berkualiti di mana sebanyak RM75 juta diperuntukkan pada setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah;
- iii) meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam aktiviti penanaman dan penuaian padi dengan memanfaatkan peruntukan di bawah program mekanisasi dan automasi Kementerian sebanyak RM150 juta dalam bajet RMKe11;
- iv) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saluran bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di mana sebanyak RM1.395 billion diperuntukkan di bawah RMKe11;
- v) meningkatkan harga belian padi pada kadar RM1,200.00 per tan metrik mulai tahun 2014 bagi menggalakan penghasilan padi yang tinggi dalam kalangan pesawah;
- vi) meningkatkan kecekapan bantuan input bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan melaksanakan program pemulihan tanah (*soil profiling*) bertujuan mengenalpasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja;
- vii) membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai yang seterusnya boleh meningkatkan pendapatan petani; dan
- ix) memperkasakan aktiviti pengembangan melalui penubuhan *Farmer Field School* (FFS) di bawah Jabatan Pertanian.

Sekian, terima kasih.